



## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

---

### KENYATAAN MEDIA

#### STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA 2020

---

### **Defisit perdagangan perkhidmatan Malaysia meningkat pada tahun 2020 sementara aktiviti berdasarkan digital bertahan dalam krisis COVID-19**

**PUTRAJAYA, 9 JUN 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS) 2020. Defisit perdagangan perkhidmatan Malaysia meningkat kepada RM47.4 bilion, defisit tertinggi yang pernah direkodkan. Jumlah perdagangan perkhidmatan berjumlah RM232.7 bilion yang menyumbang 16.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK pada harga semasa) pada tahun 2020.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “Defisit tertinggi dalam perkhidmatan adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang membawa cabaran besar dalam aktiviti ekonomi global dan impaknya adalah lebih buruk berbanding wabak SARS pada tahun 2003. Eksport perkhidmatan mencatatkan RM92.6 bilion berbanding RM170.2 bilion pada tahun sebelumnya disebabkan kesan dalam komponen perkhidmatan utama, iaitu Perjalanan dan Pengangkutan. Pada masa yang sama, import perkhidmatan menurun kepada RM140.1 bilion berbanding RM181.1 bilion pada 2019, penurunan yang lebih perlahan berbanding eksport perkhidmatan.”

Menjelaskan lebih lanjut mengenai perdagangan perkhidmatan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan Perkhidmatan perniagaan lain menjadi pemangkin eksport perkhidmatan dengan RM27.1 bilion pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, eksport menurun sebanyak 7.6 peratus dari tahun sebelumnya disebabkan kawalan pergerakan di kebanyakan negara yang mempengaruhi perkhidmatan berkaitan teknikal dan perdagangan. Secara perbandingan, import komponen ini menurun lebih pantas daripada eksport

sebanyak 9.3 peratus kepada RM29.8 bilion yang menyumbang kepada defisit yang lebih kecil sebanyak RM2.8 bilion.

Komponen utama yang seterusnya adalah Pengangkutan dengan nilai eksport RM13.7 bilion pada tahun 2020, menyusut 37.1 peratus berbanding tahun sebelumnya kerana penurunan ketara dalam pengangkutan udara. Pengangkutan udara yang bergantung kepada eksport penumpang udara merosot 72.3 peratus disebabkan sekatan perjalanan global bagi membendung penularan COVID-19. Walaupun begitu, eksport pengangkutan laut dan lain-lain khususnya perkhidmatan pos dan kurier masing-masing meningkat kepada RM7.7 bilion dan RM2.4 bilion. Peningkatan dalam muatan laut, pos dan kurier adalah seiring dengan peningkatan tren membeli-belah dalam talian sejak penguatkuasaan sekatan pergerakan pada tahun 2020.

"Perjalanan sebagai komponen utama perkhidmatan perdagangan Malaysia selama ini yang menghadapi situasi mencabar telah menyebabkan defisit tertinggi pada tahun 2020. Industri yang terjejas teruk disebabkan pandemik COVID-19 ini berubah kepada defisit RM7.7 bilion, buat pertama kalinya dalam 30 tahun daripada lebih RM30.8 bilion pada tahun 2019. Eksport Perjalanan menjunam 84.7 peratus untuk mencatatkan RM12.6 bilion disebabkan bilangan ketibaan pelancong yang jauh lebih rendah. Malaysia mencatat 4.3 juta pelancong antarabangsa pada tahun 2020, penurunan yang signifikan sebanyak 83.4 peratus berbanding tahun sebelumnya berikutan penutupan sempadan negara dan pelaksanaan larangan perjalanan oleh negara-negara di seluruh dunia." jelas Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Namun demikian, perkhidmatan yang mengalami transformasi digital yang dipercepat menunjukkan prestasi yang lebih baik semasa krisis COVID-19. Oleh itu, perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat telah menyaksikan peluang berterusan sepanjang tahun 2020 dalam bentuk kerja telekomunikasi, penstriman video, pengkomputeran dan perkhidmatan digital lain. Eksport bagi komponen ini meningkat 7.9 peratus kepada RM13.4 bilion. Pada masa yang sama, import meningkat sebanyak 14.8 peratus kepada RM16.8 bilion kerana lonjakan dalam langganan perkhidmatan penstriman, terutamanya untuk filem dalam talian. Ini dapat dilihat melalui peningkatan ketara di kalangan pelanggan Netflix Asia yang mencatatkan 25.5 juta berbanding 16.2 juta pada tahun sebelumnya.

Selain itu, perkhidmatan persendirian, kebudayaan & rekreasi mencatatkan eksport yang lebih tinggi pada RM2.4 bilion, meningkat 3.1 peratus berbanding tahun 2019. Ini dipacu oleh pasaran permainan melalui platform digital yang pesat berkembang dan juga peningkatan dalam bilangan penghibur strim seperti *You-tuber* dan *Tiktoker*. Menurut laporan pasaran Global Games oleh Newzoo, rantau Asia Pasifik dengan 1.5 bilion pemain menyumbang 53.5 daripada jumlah pemain global (2.8 bilion), meningkat sebanyak 6.5 peratus berbanding tahun 2019.


Menjelaskan perdagangan perkhidmatan Malaysia dengan 193 negara di seluruh dunia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyebut bahawa Amerika Syarikat telah mengatasi Singapura dengan menjadi destinasi utama eksport Perkhidmatan dengan nilai RM24.8 bilion, kebanyakannya dalam Perkhidmatan pembuatan dan Perkhidmatan perniagaan lain. Singapura yang merupakan pasaran utama eksport sejak 2010 menjadi destinasi kedua dengan RM18.9 bilion, disebabkan oleh eksport Perjalanan. Ini diikuti oleh United Kingdom, Hong Kong dan China yang secara kolektif berjumlah RM15.4 bilion pada tahun 2020. Sementara itu, negara pengimpor teratas bagi tahun rujukan adalah Amerika Syarikat, Singapura, China, United Kingdom dan Jepun, terutamanya dalam Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan.

Akhir sekali, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin merumuskan, "Wabak COVID-19 telah mengubah perniagaan di seluruh dunia. Malaysia yang sangat bergantung kepada aktiviti pelancongan selama ini, kini semakin membuat penyesuaian terhadap pasaran yang lebih canggih terutamanya berkaitan transformasi digital. Perniagaan telah bersedia untuk tetap bertahan dan berdaya saing dengan mengadaptasi strategi baru yang sesuai dengan norma baharu setelah melalui tempoh yang paling sukar pada tahun lalu. Berdasarkan Prospek Ekonomi 2021, perdagangan perkhidmatan Malaysia dijangka mengalami defisit RM30.9 bilion dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dirancang dengan teliti dengan mempertimbangkan penurunan risiko COVID-19.


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda adalah masa depan kita. Sila

layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia, 1985 -2020**



**Carta 2: Jumlah Perdagangan Perkhidmatan Malaysia, 1985-2020**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**09 JUN 2021**



## DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

---

### MEDIA STATEMENT

### STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES 2020

---

#### ***Malaysia's trade in services deficit widened in 2020 while digital-based activities stood up amid the COVID-19 crisis***

**PUTRAJAYA, JUNE 9th, 2021** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) published the **Statistics of International Trade in Services (SITS) 2020**. Malaysia's trade deficit in services widened to RM47.4 billion, the highest deficit ever recorded. The total trade in services amounted to RM232.7 billion, contributing 16.1 per cent of Gross Domestic Product (GDP at current prices) in 2020.

According to the Chief Statistician of Malaysia, “The highest trade deficit in services was owing to the unprecedented COVID-19 pandemic that has brought significant challenges in economic activities globally, and the impact is more severe than SARS epidemic in 2003. Exports of services recorded RM92.6 billion as compared to RM170.2 billion in the preceding year resulting from a disruption in the key services components, namely Travel and Transport. Simultaneously, imports of services decreased to RM140.1 billion as against RM181.1 billion in 2019, relatively a slower decline than exports of services.”

Elaborating further on the trade in services, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that Other business services was the catalyst for exports services with RM27.1 billion in 2020. However, the exports decreased by 7.6 per cent from the preceding year amid the lockdown measures in many countries that affected technical and trade-related activities. Comparatively, imports of this component decreased faster than exports by 9.3 per cent to RM29.8 billion, contributing to a smaller deficit of RM2.8 billion.

*The subsequent leading component was Transport, with exports value at RM13.7 billion in 2020, tumbled 37.1 per cent as against the previous year due to the significant drop in air transport. Air transport that heavily relies on air passenger exports plummeted 72.3 per cent as a repercussion from global travel limitations to contain the spread of COVID-19. Even so, exports of sea and other transport, particularly in postal and courier services surged to RM7.7 billion and RM2.4 billion respectively. The upturns in sea freight, post and courier were in line with the increasing consumers' online shopping behaviours since the enforcement of movement restrictions in 2020.*

*"Indeed, Travel, the mainstay of Malaysia's services trade all this while has faced a challenging situation which led to the highest deficit in 2020. This hardest-hit industry during the COVID-19 pandemic turned to a deficit of RM7.7 billion, for the first time in 30 years from a surplus of RM30.8 billion in 2019. Exports of Travel nosedived 84.7 per cent to register RM12.6 billion due to substantially lower number of tourist arrivals. Malaysia recorded 4.3 million international tourists in 2020, a significant decrease of 83.4 per cent compared to the preceding year following the border closure and travel restrictions imposed by countries across the world." cited Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.*

*Nevertheless, services that undergo accelerated digital transformation performed much better during this COVID-19 crisis. Telecommunications, computer and information services have seen a windfall opportunity throughout the year 2020 in the forms of teleworking, video streaming, cloud computing and other digital services. Exports of this component increased by 7.9 per cent to RM13.4 billion. At the same time, imports rose by 14.8 per cent to RM16.8 billion due to the spike in subscriptions of streaming services, especially for online movies. This can be seen through a substantial increase among Asian Netflix subscribers which recorded 25.5 million as compared to 16.2 million in the previous year.*

*Besides that, Personal, cultural & recreational services posted higher exports at RM2.4 billion, an increase of 3.1 per cent as against 2019. This was steered by the fastest-growing gaming markets through digital platforms as well as flourishing streaming entertainers like You-tubers and Tiktokers. According to Global games market report by Newzoo, the Asia-pacific region with 1.5 billion gamers contributed*


53.5 per cent of total gamers worldwide (2.8 billion), an increase of 6.5 per cent as against 2019.

*Explaining Malaysia's trade in services with 193 countries across the world, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the USA overtook Singapore by being the top destination of services exports with a value of RM24.8 billion, mostly in Manufacturing and Other business services. Singapore which was the leading market for exports since 2010 became the second top destination with RM18.9 billion, pulled by exports of Travel. This was followed by the United Kingdom, Hong Kong and China which collectively amounted to RM15.4 billion in 2020. Meanwhile, the top importing countries for the reference year were the USA, Singapore, China, the United Kingdom and Japan, primarily in Other business services and Transport.*


*Finally, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, "The COVID-19 outbreak has changed the nature of many businesses around the globe. Malaysia which heavily relies on tourism activities all this while, now slowly adapting to more sophisticated markets in related to digital transformation. Businesses have prepared to stay agile and competitive by adopting new strategies aligned with new norm after went through a tough time last year. Based on the Economic Outlook 2021, Malaysia's trade in services is projected at a deficit of RM30.9 billion with the well-planned implementation of Movement Control Order (MCO) by considering the downside risk in response to the COVID-19.*

*The Malaysian Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30<sup>th</sup> June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more information.*

**Chart 1: Malaysia's International Trade in Services, 1985-2020**



**Chart 2: Malaysia's Total Trade in Services, 1985-2020**



Released By:

**CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
09 JUNE 2021**